

HURAIAN TEMA IMAMAH MENURUT IBN KHALDUN DALAM *MUQADDIMAH*: SATU ULASAN RINGKAS

Explanation On Imamate Theme According To Ibn Khaldun's Muqaddimah: A Brief Review

*Rushda Amirah binti Ishak,^a Wan Mohd Fazrul Azdi bin Wan Razali^b

^aCalon Sarjana, Pengajian Akidah dan Agama, Universiti Sains Islam Malaysia.

^bPengarah, Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia.

*amirah_safiyyah@yahoo.com

Abstrak

Ibn Khaldun merupakan sejarawan dan ahli sosiologi Islam yang telah mendapat pengiktirafan dunia Islam dan Barat. Menerusi kitab *Muqaddimah*, beliau membentangkan sejarah bangsa Arab, Ajam dan Barbar, termasuk penelitian mengenai beberapa *firāq* Islam seperti Muktazilah, Al-Ash'ariyyah dan Syiah. Ibn Khaldun mengkhususkan satu subtopik di bawah tajuk yang ketiga dalam *Muqaddimah* membincangkan mengenai Syiah. Subtopik tersebut merupakan subtopik yang ke-27 bertajuk *Faṣl fi Madhāhib al-Syī'ah fi Hukm al-Imāmah* atau *Mazhab Syiah Mengenai Imamah*. Makalah ini membentangkan beberapa pandangan Ibn Khaldun mengenai Syiah seperti yang terkandung dalam *Muqaddimah*. Melalui kaedah kajian kualitatif iaitu kajian kandungan secara semantik ke atas kitab *Muqaddimah Ibn Khaldun* (1984) mengenai Syiah, terdapat empat tema yang dapat dikeluarkan daripada subtopik tersebut. Namun, makalah ini hanya akan memfokuskan pada satu tema sahaja iaitu Imamah. Melalui tema Imamah ini, terdapat tiga isu penting yang dapat dikeluarkan iaitu pertama, ketaksuban terhadap Ali sebagai imam. Kedua, Imamah merupakan rukun dan ajaran dalam Syiah. Dan ketiga, pelantikan imam wajib dalam kalangan Ahli Bait dan merupakan seorang yang maksum. Makalah ini menghuraikan dan menganalisis ketiga-tiga isu tadi dengan pandangan-pandangan daripada para ulama *firāq* Ahli Sunnah Waljamaah seperti Abd al-Qahir al-Baghdadi, al-Shahrastānī dan Muḥammad Abū Zahrah. Terdapat beberapa kritikan yang telah diberikan oleh Ibn Khaldun kepada pandangan-pandangan Syiah mengenai isu kepemimpinan yang wajar diambil iktibar dan teladan oleh para peneliti moden mengenai kajian *firāq Islamiyyah*.

Kata kunci: Ibn Khaldun, *Muqaddimah*, *Firāq*, Syiah, Ali.

PENDAHULUAN

Ibn Khaldun (732H-808H) atau nama penuh beliau ialah *al-'Allāmah Walī al-Dīn Abū Zayd 'Abd al-Raḥmān Ibn Muḥammad Ibn Khaldūn al-Tūnisī al-Ḥaḍramī* (Mohammad Abdullah Enan, 2007, hlm. 4; Wan Mohd Fazrul Azdi, 2018, hlm. 2; Syed Farid Alatas, 2011, hlm. 12; Ibn Khaldūn, 1984, hlm. 5) telah dilahirkan di Tunisia pada 1 Ramadhan 732H/ 27 Mei 1332M dan meninggal dunia pada 26 Ramadhan 808H/ 16 Mac 1406M (Mohammad Abdullah Enan, 2007, hlm. 4, 72; Wan Mohd Fazrul Azdi, 2018, hlm. 3-4; Muhsin Mahdi, 2014, hlm. 11). Beliau disemadikan di Perkuburan Sufi di luar Bāb al-Naṣr di Kaherah, Mesir (Mohammad Abdullah Enan, 2007, hlm. 83; Swiney, 2015, hlm. 2). Nama Ibn Khaldun bukanlah satu nama yang asing dalam tradisi keilmuan Islam mahupun Barat. Nama tokoh ini dan karya penulisannya telah menjadi rujukan serta kajian oleh ilmuwan pelbagai bidang kepakaran termasuk bidang kajian Ilmu Agama.

Antara karya Ibn Khaldun yang masyhur adalah *magnum opus*nya iaitu *Muqaddimah* yang telah banyak memberikan sumbangan kepada sejarah peradaban bangsa Arab, Ajam dan Barbar sehinggakan Nathaniel Schmidt menggelarkan beliau sebagai Sejarawan, Ahli Sosiologi dan Ahli Falsafah (Mohammad Abdullah Enan, 2007, hlm. 129; Schmidt & Smith, 1931, hlm. 594). *Muqaddimah* merupakan jilid pertama atau pengenalan kepada *Kitāb al-'Ibar wa Diwān al-Mubtadā wa al-Khabar fi Ayyām al-'Arab wa al-'Ajam wa al-Barbar wa Man 'Āsarahum min Dhawī al-Sulṭān al-Akbar* atau *Tarīkh Ibn al-Khaldūn*. Ketelitian dan keintelektualan Ibn Khaldun jelas diperlihatkan melalui kandungan dan garapan beliau mengenai sejarah Maghrib yang begitu tersusun sehingga *Muqaddimah* masih dirujuk dan dikaji hingga ke hari ini. Hal ini

diakui oleh Arnold Toynbee, seorang orientalis dan pakar sejarah yang menyifatkan Ibn Khaldun sebagai seorang genius yang cemerlang dalam bidang kajian sejarah (Toynbee, 1988, hlm. 490).

Antara kandungan *Muqaddimah* yang menarik minat penulis adalah pandangan Ibn Khaldun mengenai *firāq Islamiyyah* atau kumpulan-kumpulan dalam Islam seperti al-Asha'irah, al-Muktazilah, al-Khawarij dan Syiah. Perbincangan mengenai *firāq* ini amat penting untuk difahami terutamanya bagi pengkaji bidang agama kerana perpecahan kumpulan yang terbentuk ini meskipun pada awalnya berpunca daripada perselisihan politik, telah memasuki isu pokok atau akidah. Malang sekali, ada antara kumpulan ini yang telah terkeluar daripada Islam kerana telah melanggar usul dalam agama. Dalam bab atau fasal ketiga *Muqaddimah* yang bertajuk *al-Faṣl al-Thālith min al-Kitāb fi al-Duwal wa al-Muluk wa al-Khilāfah wa al-Marātib al-Sultāniyyah* atau *Dinasti, Raja, Khalifah, Pangkat dan Pemerintahan*, Ibn Khaldun mengkhususkan satu subtopik membincangkan mengenai Syiah. Subtopik tersebut merupakan subtopik yang ke-27 bertajuk *Faṣl fi Madhāhib al-Syī'ah fi Hukm al-Imāmah* atau *Mazhab Syiah Mengenai Imamah*. Oleh itu, makalah ini memfokuskan huraian tema Imamah yang dapat dikeluarkan mengenai Syiah menurut pandangan Ibn Khaldun berdasarkan subtopik yang ke-27 tersebut. Huraian mengenai tema Imamah ini disokong dengan karya-karya lain penulisan ulama *firāq* Ahli Sunnah Waljamaah yang menukikan Syiah dalam penulisan mereka seperti Abd al-Qahir al-Baghdadi, al-Shahrastānī dan Muḥammad Abū Zahrah.

KAEDAH KAJIAN

Makalah ini secara asasnya menggunakan kaedah kualitatif iaitu analisis kandungan secara semantik melibatkan penggunaan sumber pertama dan sumber kedua. Sumber pertama bagi makalah ini ialah *al-Qur'ān al-Karīm*, *al-Hadith al-Sharīf* dan karya penulisan Ibn Khaldun iaitu *Muqaddimah*. Manakala sumber kedua merupakan buku, artikel jurnal akademik, dan kajian tesis lepas yang berkaitan dengan Syiah. Kedua-dua sumber ini merupakan sumber yang penting bagi mengumpulkan maklumat dan pemahaman mengenai isu Syiah khususnya Imamah. Makalah ini juga akan menggunakan kaedah analisis deskriptif untuk menganalisis fakta yang dikemukakan oleh Ibn Khaldun melalui kaca mata sarjana Syiah dan Ahli Sunnah Waljamaah. Oleh itu, kaedah ini digunakan bagi mendapatkan penjelasan dan pemahaman yang lebih mendalam mengenai mazhab Syiah.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Perbincangan mengenai *firāq* dalam Islam merupakan satu perbincangan yang penting dalam bidang pengajian Usuluddin. Hal ini kerana pengetahuan yang jelas mengenai *firāq Islamiyyah* mampu memberikan gambaran yang jelas mengenai akidah yang benar menurut Islam dan sekaligus dapat memelihara akidah seorang muslim daripada jauh terpesong. Meskipun perpecahan yang berlaku pada awalnya disebabkan oleh perselisihan *siyāsah* atau politik, tetapi kemudiannya kumpulan-kumpulan tersebut terus berpecah kerana memiliki pandangan yang berbeza daripada sudut akidah.

Hal ini dapat dilihat dengan jelas melalui penjelasan hadith mengenai terpecahnya umat kepada 73 golongan atau masyhur sebagai hadith *al-Firqah al-Nājiyah* yang memberikan gambaran hakikat perselisihan umat dan jumlah golongan umat sebanyak 73 golongan dan hanya satu kumpulan sahaja yang terselamat. Dirikan oleh al-Tirmidhi daripada Abdullah bin Amr, Rasulullah SAW bersabda (al-Baghdadi, 2015, hlm. 18):

“Sungguh, akan datang perkara pada umatku yang pernah menimpa Bani Israil. Bani Israil terpecah menjadi tujuh puluh dua golongan, dan umatku akan terpecah menjadi tujuh puluh tiga golongan; mereka semua berada di neraka kecuali satu golongan’. Para sahabat bertanya, ‘Apakah golongan yang mengalahkan itu, wahai Rasulullah?’ Baginda menjawab, ‘Apa yang aku dan sahabatku berada di atasnya”.

Justeru, perbincangan mengenai *firāq Islamiyyah* ini dikaji dan dibincangkan secara terperinci oleh ulama Ahli Sunnah Waljamaah khususnya dalam bidang akidah. Ibn Khaldun sebagai seorang ulama dan sejarawan kurun kelapan Hijrah juga tidak terkecuali dalam membincangkan perkara ini dalam *Muqaddimah* beliau. Oleh itu, makalah ini hanya menumpukan perbincangan mengenai mazhab Syiah dan konsep Imamah daripada sudut pandang Ibn Khaldun. Seperti yang disebut pada bahagian pengenalan, Ibn Khaldun mengkhususkan satu subtopik membincangkan mengenai Syiah. Subtopik tersebut merupakan subtopik yang ke-27 bertajuk *Faṣl fī Madhāhib al-Syī'ah fī Hukm al-Imāmah* atau *Mazhab Syiah Mengenai Imamah*. Berdasarkan analisis terhadap subtopik tersebut, terdapat empat tema yang dapat dikeluarkan iaitu pertama, definisi Syiah. Kedua, kategori teks (Nusus) dalam Syiah. Ketiga, Imamah. Dan keempat, pecahan kumpulan dalam Syiah.

Namun demikian, makalah ini hanya membincangkan satu tema sahaja iaitu Imamah. Melalui analisis teks dalam subtopik ini, makalah ini dapat mengeluarkan tiga isu penting mengenai Imamah yang merupakan teras perbincangan (*core discussion*) dalam subtopik tersebut. Tiga isu penting tersebut adalah: pertama, ketaksuban terhadap Ali sebagai imam. Kedua, Imamah merupakan rukun dan ajaran dalam Syiah. Dan ketiga, pelantikan imam wajib dalam kalangan Ahli Bait dan merupakan seorang yang maksum.

Isu Pertama: Ketaksuban terhadap Ali sebagai Imam.

Melalui isu pertama ini, terdapat dua isu mengenai ketaksuban Syiah terhadap Ali yang dapat dikeluarkan berdasarkan penelitian terhadap subtopik ke-27 ini. Pertama, golongan Syiah menyatakan bahawa Ali telah dilantik oleh Rasulullah untuk menjadi imam selepas kewafatan baginda berdasarkan dalil-dalil daripada al-Qur'ān dan hadith samada secara eksplisit (*jaliy*) atau jelas dan implisit (*khafiy*) atau tersembunyi. Ibn Khaldun menjelaskan bahawa Syiah membawakan bukti teks-teks al-Qur'ān dan hadith yang telah dikutip dan ditakwil oleh mereka mengikut kehendak dan keinginan mereka. Teks-teks tersebut tidak dikenali oleh ulama Ahli Sunnah Waljamaah bahkan tidak terdapat dalam mana-mana kitab hadith yang sebahagian besarnya berstatus palsu dan terdapat cela dalam sanadnya (Ibn Khaldun, 2002, hlm. 209; Ibn Khaldūn, 1984, hlm. 259; Ilham Kadir, 2014, hlm. 3).

Isu khalifah diwasiatkan secara *naṣ* kepada Ali merupakan sebuah penyelewengan oleh golongan Syiah kerana tidak terdapat *naṣ* al-Qur'ān mahupun hadith sahih yang jelas mengenai kekhalifahan Ali selepas kewafatan Rasulullah (Mohd Aizam, 2015, hlm. 136-137). Kecenderungan mereka terhadap Ali mungkin didasarkan kepada kualiti yang dimiliki oleh Ali khususnya keberaniannya di medan perang dan status Ali sebagai sepupu dan menantu Rasulullah SAW serta memiliki dua orang anak lelaki melalui Fatimah, anak perempuan bongsu nabi. Kecenderungan ini semakin bertambah selepas pelantikan Uthman sebagai khalifah yang ketiga, tetapi kurang berkesan dalam mentadbir negara sehingga menyebabkan Uthman terbunuh (H. M. Rasjidi, 2005, hlm. 6) dan tercetusnya perang saudara pertama umat Islam iaitu perang Siffin antara Ali dan Muawiyah.

Kedua, sesetengah golongan Syiah mengagungkan-agungkan Ali sehinggakan menganggap Ali sebagai nabi bahkan ada sebahagian daripada mereka yang ekstrim menganggap Ali sebagai tuhan. Mereka juga menolak kekhalifahan selain Ali sehinggakan mereka menolak para sahabat nabi terutamanya Abu Bakar dan Umar (Ibn Khaldūn, 1984, hlm. 251; Ibn Khaldun, 2002, hlm. 210). Hal ini turut dikongsikan oleh Jād al-Haq Ali Jād al-Haq dan Hasanain Muhammad Makhlūf yang menyebut antara perkara usul *al-Imāmiyyah* adalah mengkafirkan sahabat dan mencaci mereka khususnya Abu Bakar dan Umar. Hal ini juga turut disebut oleh Muhibbuddin al-Khatib sebagai perasaan benci dan dendam yang tidak berkesudahan (Syihabudin Ahmad, 2017, hlm. 26, 31; al-Khatib, 1980, hlm. 19).

Tindakan menolak kekhalifahan Abu Bakar dan Umar ini, menurut al-Zahabi, merupakan perbuatan *ghuluw* atau keterlaluan oleh golongan Syiah *al-Rāfiḍah* yang turut mengkafirkan kedua-dua sahabat tersebut serta berpegang kepada usul akidah yang menyesatkan. Sedangkan mazhab Ahli Sunnah Waljamaah berpegang bahawa isu kekhalifahan merupakan perkara ijtihad yang tidak melibatkan akidah. Perlu juga untuk disebut di sini bahawa istilah Syiah pada asalnya merujuk kepada mereka yang lebih mengutamakan Ali daripada Uthman sebagai khalifah ketika berlaku perselisihan pandangan dalam kalangan sahabat dan tabi'in mengenai perkara ini. Berbeza dengan golongan Syiah pada hari ini, khususnya *al-Rāfiḍah*, yang menyebut diri mereka sebagai pengikut Ali dan Ahli Bait (Wan Zahidi & Mahmood Sa'ad Nasih, 2014, hlm. 135-136).

Menurut Muḥammad Abū Zahrah, Syiah menolak aliran atau kumpulan mereka yang menganggap Ali sebagai tuhan sepertimana aliran *al-Sabā'īyah* yang jelas tidak termasuk dalam Islam. Tetapi pemikiran mereka meliputi pemikiran falsafah yang menurut pendapat para ulama Iraq dan Barat merupakan mazhab-mazhab falsafah dan keagamaan sebelum Islam dan peradaban Parsi yang terhenti kerana kedatangan Islam (Muḥammad Abū Zahrah, 1963, hlm. 33-34; Muhammad Abu Zahrah, 1996, hlm. 38). Justeru, aliran Syiah yang mempertuhankan Ali dan mengatakan bahawa tuhan bersemayan dalam diri Ali dikenali sebagai *al-Sabā'īyah* yang merupakan pengikut 'Abdullah bin Saba' serta 10 kumpulan lain yang masyhur dengan fahaman ini (rujuk lampiran). Mereka juga merupakan golongan pelampau yang tidak diterima oleh aliran Syiah yang lain (Muḥammad Abū Zahrah, 1963, hlm. 35; Muhammad Abu Zahrah, 1996, hlm. 40; Wan Zahidi, Abdul Razak, & Ridhuan Jamal Al-Athrasyy, 2012, hlm. 29).

Isu Kedua: Imamah merupakan Rukun dan Ajaran dalam Islam.

Secara umumnya, Syiah bersepatat bahawa Imamah bukan termasuk isu kepentingan atau kemaslahatan umum yang pemilihannya dapat diserahkan dan ditentukan oleh pendapat umum dan pelaksanaannya dipilih atas kehendak mereka. Hal ini kerana, bagi golongan Syiah, Imamah merupakan rukun dan ajaran dalam Islam, dan seorang nabi tidak boleh mengambil mudah dan menyerahkannya kepada ummah sebaliknya wajib ke atas nabi menentukan seorang imam yang akan menjadi pemimpin mereka (Ibn Khaldūn, 1984, hlm. 250; Ibn Khaldun, 2002, hlm. 209; Muḥammad Abū Zahrah, 1963, hlm. 30; Muhammad Abu Zahrah, 1996, hlm. 34).

Menurut al-Shahrastānī, golongan yang pertama menggunakan istilah imam bagi gelaran pemimpin mereka ialah Syiah. Akan tetapi, mereka ini bukanlah daripada pengikut Abdullah bin Saba' atau al-'Alba' bin Dhara' al-Dawsi kerana keduanya lebih cenderung mempertuhankan Ali. Oleh itu, mereka yang dimaksudkan ini adalah pengikut Kaysan iaitu hamba (*mawla*) kepada Ali. Dikatakan bahawa Syiah telah menggunakan istilah imam yang merujuk kepada pemimpin mereka semenjak kurun pertama Hijrah iaitu pada zaman Muhammad bin al-Hanafīyyah (31-81H). Istilah imam ini juga pernah digunakan sebelum ini secara khusus menggambarkan ketokohan dan keperibadian seseorang seperti sabda nabi yang merujuk kepada keistimewaan Bani Quraysh dalam memimpin (Mohd Hamidi, 2019, hlm. 3-4).

Namun begitu, hal ini tidak menjadi dalil kewajipan untuk memilih pemimpin dalam kalangan bangsa Quraysh bahkan sabda nabi ini lebih kepada galakan dan *tawjihāt* serta berbeza dengan penggunaan istilah imam oleh Syiah. Golongan Syiah menggunakan istilah imam sebagai gelaran pemimpin umat Islam yang bukan sahaja mampu mentadbir urusan duniawi bahkan mampu menguruskan keperluan ukhrawi. Oleh itu, imam bagi Syiah bermaksud peneraju kepada kepimpinan rasul dalam menyampaikan dakwah dan menjaga kesucian agama kerana rasul adalah pemimpin akhlak serta pemimpin negara. Kepimpinan ini dikenali sebagai Imamah Ahli Bait bersempena imam mereka yang terdiri daripada keturunan Rasulullah SAW (Mohd Hamidi, 2019, hlm. 4-6).

Justeru, Imamah di sisi Syiah merupakan salah satu rukun yang wajib dipenuhi oleh umat Islam kerana telah disyariatkan di dalam al-Qur'an dan telah diwasiatkan di dalam hadith Rasulullah SAW. Pengikut Syiah sentiasa menjadikan ayat-ayat al-Qur'an seperti di dalam surah al-Nur ayat 36, surah al-Ahzab ayat 33 dan surah al-Qasas ayat 83 sebagai dalil mengenai keistimewaan para imam Syiah, yang melayakkan mereka sebagai pemimpin umat Islam. Begitu juga beberapa hadith Rasulullah SAW terutamanya hadith *ghadir khum* yang menjadi asas kepada dakwaan kepimpinan Ali selepas kewafatan Rasulullah SAW (Mohd Hamidi, 2019, hlm. 12).

Menjawab kepada isu ini, Al-Ash'ariyyah berpendapat bahawa Imamah adalah wajib berdasarkan syarak dan menegaskan ke atas perkara ini, al-Baghdādī mengatakan bahawa adalah wajib menentukan imam pada setiap keadaan yang tidak memiliki imam yang jelas, dan sekiranya dilihat jelas, maka wajib mentaatinya. Manakala, al-Jūwaynī mengatakan Imamah bukanlah ketetapan dalam akidah tetapi merupakan sepenuhnya amanat umum (Kamāl al-Dīn Nūr al-Dīn Marjūnī, 2014, hlm. 388). Selain itu, penggunaan istilah imam hanya digunakan oleh Syiah dan tidak dijumpai penggunaan istilah tersebut dalam kalangan ulama Ahli Sunnah Waljamaah. Hal ini kerana istilah imam adalah lebih umum berbanding khalifah dan golongan Syiah berpendapat sebaliknya (al-Taftazani, 2017, hlm. 258-259).

Isu Ketiga: Pelantikan Imam Wajib dalam Kalangan Ahli Bait dan Merupakan Seorang yang Maksu.

Syiah menggariskan bahawa seorang imam mestilah maksu atau bebas daripada dosa besar dan kecil (Ibn Khaldun, 2002, hlm. 209; Ibn Khaldūn, 1984, hlm. 259; Ilham Kadir, 2014, hlm. 3). Dan ada yang menyebut imam mereka sebagai manusia yang memiliki sifat tuhan atau tuhan dalam bentuk jelmaan manusia. Pendapat mereka ini menyerupai kepercayaan Kristian terhadap nabi Isa (Ibn Khaldūn, 1984, hlm. 251; Ibn Khaldun, 2002, hlm. 211). Huraian ringkas mengenai imam Syiah merupakan jelmaan tuhan ini telah dibahas pada isu yang pertama. Mereka bukan sahaja mempertuhankan Ali bahkan memiliki pandangan yang sama terhadap para imam mereka. Kepercayaan ini merupakan akidah golongan Syiah yang ekstrim bahkan tidak diterima oleh golongan atau aliran Syiah yang lain.

Kepercayaan mereka terhadap kemaksuman imam mereka yakni sunyi daripada dosa besar dan kecil serta tidak lupa ini adalah sangat menyimpang jauh daripada pegangan akidah yang benar (Mohd Aizam, 2015, hlm. 136-137). Ini kerana tiada manusia, selain para Nabi a.s, yang maksu sebagaimana firman Allah dalam surah al-ʿAnkabūt yang bermaksud:

“Dan orang-orang yang beriman dan beramal soleh, benar-benar akan Kami hapuskan daripada mereka dosa-dosa mereka (melalui amal-amal soleh yang mereka lakukan) dan benar-benar akan Kami berikan mereka balasan yang lebih baik daripada apa yang mereka kerjakan yakni, daripada amal-amal soleh.”

(Al-Qur'ān. Al-ʿAnkabūt 29:7)

Menurut Muhammad Ali Asbar dalam kitabnya *ʿAli fi al-Qur'ān wa al-Sunnah*, ulama-ulama tafsir telah memperakui Imamah para imam Syiah. Pengiktirafan ini bukan hanya sekadar tugas sebagai pemimpin dan pentadbir, malah melangkaui kemuliaan nabi-nabi Allah SWT. Perkara ini turut diperakui oleh ulama Syiah yang lain serta mendatangkan hujah-hujah sokongan terhadap kenyataan tersebut. Antaranya ialah melalui surah Yunus yang bermaksud:

“Katakanlah (wahai Muhammad saw): lihatlah apa [yang berlaku] di langit-langit dan bumi, tidaklah sunyi keterangan dan pemberi ingatan daripada kaum yang tidak beriman”.

(Al-Qur'ān. Yunus 10:101)

Abu Abdullah mengatakan bahawa *al-ayat* (keterangan) tersebut ialah para imam manakala *al-nudhur* (pemberi ingatan) itu ialah para nabi (Mohd Hamidi, 2019, hlm. 9).

Menjawab kepada pelantikan imam adalah wajib daripada kalangan Syiah, al-Taftazani menggariskan beberapa syarat yang mesti ada pada seorang imam seperti berikut (al-Taftazani, 2017, hlm. 259-264):

1. Imam mestilah nyata zahir di sisi orang ramai.
2. Imam mestilah tidak tersembunyi.
3. Iman mestilah tidak ditunggu-tunggu.
4. Imam mestilah daripada Quraish dan tidak boleh selain daripadanya, dan tidak dikhususkan untuk berasal daripada Bani Hasyim dan keturunan Ali.
5. Tidak disyaratkan kepada imam untuk menjadi maksum.
6. Tidak disyaratkan untuk menjadi orang yang terbaik pada zamannya.
7. Imam disyaratkan untuk menjadi sebahagian daripada golongan yang memiliki kewibawaan yang mutlak dan sempurna (*ahli wilayah*).
8. Imam ialah seorang yang mahir mentadbir dan berkemampuan melaksanakan hukum-hakam, menjaga sempadan wilayah Islam dan menyelamatkan orang yang dizalimi daripada orang yang zalim.
9. Imam tidak dilucutkan dengan sebab kefasikan dan kezaliman.

Berdasarkan senarai syarat yang dibuat oleh al-Taftazani dalam *Huraian al-^cAqaid al-Nasafiyah* tadi, jelaslah terdapat perbezaan yang ketara antara apa yang dianuti dan diamalkan oleh golongan Syiah dengan jumhur umat Islam dalam kalangan Ahli Sunnah Waljamaah. Perbezaan-perbezaan inilah yang telah dinyatakan oleh Ibn Khaldun sebagai *al-^cIbar* atau pengajaran-pengajaran kepada para pembaca *Muqaddimah*nya.

Apa yang menarik dapat dilihat dalam *Muqaddimah* juga adalah isyarat jelas yang diberikan oleh Ibn Khaldun mengenai sumber-sumber rujukannya mengenai perkara ini. Kata Ibn Khaldun pada perenggan akhir dalam subtopik kedua puluh tujuh ini:

Pembaca yang hendak mendalaminya dan menelaahnya dapat membaca buku *al-Milal wa al-Nihal* karya Ibn Hazm dan as-Syahrastani, dan lain-lainnya. Allah memberi jalan sesat kepada siapa yang dikehendaki-Nya dan memberi petunjuk orang yang dikehendaki-Nya kepada jalan yang lurus. Dia Maha Tinggi, Maha Besar (Ibn Khaldūn, 1984, hlm. 255; Ibn Khaldun, 2002, hlm. 213).

Oleh itu, tidak hairanlah jika dapat dilihat persamaan yang besar antara maklumat yang diberikan oleh Ibn Khaldun mengenai masalah Imamah dalam ajaran Syiah ini dengan maklumat-maklumat yang terdapat dalam kitab *al-Fiṣal Fī al-Milal wa al-Ahwā'* wa al-Niḥal oleh Ibn Ḥazm al-Zāhirī (m. 456H) dan kitab *al-Milal wa al-Niḥal* oleh Muḥammad ibn ^cAbd al-Karīm al-Shahrastānī (m. 548H).

KESIMPULAN

Makalah ini menghuraikan perbincangan tema Imamah secara ringkas berdasarkan subtopik ke-27 dalam *Muqaddimah* Ibn Khaldun. Namun demikian, makalah ini tidak membincangkan secara terperinci mengenai isu-isu yang diketengahkan sebaliknya hanya menyentuh pendapat-pendapat yang masyhur mengenai konsep Imamah yang sinonim dengan aliran Syiah. Secara ringkasnya, penulisan makalah ini bermula dengan pengenalan yang menceritakan latar belakang Ibn Khaldun, *Muqaddimah* dan skop kajian makalah ini. Kemudian, makalah ini mengemukakan kaedah kajian yang digunakan seterusnya memasuki intisari utama makalah ini iaitu hasil kajian dan perbincangan. Berdasarkan penelitian penulis ke atas subtopik yang ke-27, terdapat empat tema utama yang dapat dikeluarkan. Namun, makalah ini hanya memfokuskan pada satu tema sahaja iaitu Imamah.

Terdapat tiga isu penting yang dapat dikeluarkan daripada tema Imamah ini. Pertama, ketaksuban terhadap Ali sebagai imam. Melalui isu pertama ini, terdapat beberapa perkara yang diketengahkan iaitu pandangan Syiah bahawa Ali telah dilantik oleh Rasulullah untuk menjadi imam selepas kewafatan baginda. Malah, terdapat sebilangan ahli Syiah yang mengagungkan Ali sehinggakan menganggap Ali sebagai nabi, bahkan ada yang ekstrim yang menganggap Ali sebagai tuhan. Kedua, Imamah merupakan rukun dalam ajaran

Syiah kerana Imamah bukan termasuk kepentingan atau kemaslahatan umum yang pemilihannya dan pelaksanaannya dapat diserahkan dan ditentukan oleh pendapat umum. Dan ketiga, pelantikan imam wajib dalam kalangan Ahli Bait dan merupakan seorang yang maksum.

Kajian yang lebih mendalam masih diperlukan bagi mengupas secara terperinci mengenai mazhab Syiah khususnya pandangan mereka terhadap Imamah seperti apa yang dinukilkan oleh Ibn Khaldun. Kemudian membandingkan dan mencari persamaan pandangan Syiah terhadap isu Imamah ini dengan pandangan ulama-ulama lain dalam kalangan Ahli Sunnah Waljamaah yang muktabar.

RUJUKAN

- al-Baghdadi, Abdul Qahir. (2015). *Dirasatul Firaq*. (Umar Mujtahid, Penterjemah) Jawa Tengah: Zamzam Mata Air Ilmu.
- al-Khatib, Muhibuddin. (1980). *Asas-asas Mazhab Syiah Imam Dua Belas (Imamah)*. (Salahuddin Abdullah, Penterjemah) Kuala Lumpur: Utusan Printcorp.
- al-Taftazani, Sa'duddin. (2017). *Huraian al-Aqidah al-Nasafiyah*. (Mohamad Hilmi Marjunit, Anwar Yusof, & Farhan Affandi, Penterjemah) Rawang: Awal Nahdah Resources.
- H. M. Rasjidi. (2005). *Apa itu Syiah?* Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Ibn Khaldūn. (1984). *Al-Muqaddimah*. Tunis: Dār al-Qalam.
- Ibn Khaldun. (2002). *Mukadimah Ibn Khaldun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ilham Kadir. (2014). *Kesesatan Syiah Menurut Ibn Khaldun*. Didapatkan dari Academia.edu: https://www.academia.edu/37658840/Kesesatan_Syiah_Menurut_Ibn_Khaldun
- Kamāl al-Dīn Nūr al-Dīn Marjūnī. (2014). *Al-'Aqīdah al-Islāmiyyah wa al-Qadāyā al-Khilāfiyyah 'inda 'Ulamā' al-Kalām: Dirāsah Muqāranah* (ed. 1st). Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Mohammad Abdullah Enan. (2007). *Ibn Khaldūn: His Life and Works* (ed. Revised). Petaling Jaya: The Other Press.
- Mohd Aizam, Bin Mas'od. (2015). *Diskusi Isu Aqidah dan Pemikiran Semasa di Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Mohd Hamidi, Ismail. (2019, April). *Konsep Imam dan Imamah Syiah dan Percanggahannya dari Islam*. Didapatkan dari Researchgate: https://www.researchgate.net/publication/332494739_KONSEP_IMAM_DAN_IMAMAH_SYIAH_DAN_PERCANGGAHANNYA_DARI_ISLAM
- Muhammad Abu Zahrah . (1996). *Aliran Politik dan 'Aqidah dalam Islam*. (Abd. Rahman Dahlan, & Ahmad Qarib, Penterjemah) Batu Caves: Penerbit Edaran Kalam.
- Muhammad Abū Zahrah. (1963). *Tārīkh al-Madhāhib al-Islāmiyyah fī al-Siyāsah wa al-'Aqā'īd wa Tārīkh al-Madhāhib al-Fiqhiyyah*. Kaherah: Dār al-Fikr al-'Arabiyy.
- Muhsin Mahdi. (2014). *Falsafah Sejarah Ibnu Khaldun: Kajian tentang Dasar Falsafah Ilmu Budaya*. (Amilah Awang Abd Rahman, Penterjemah) Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Schmidt, Nathaniel, & Smith, Preserved. (1931). Ibn Khaldun: Historian, Sociologist and Philosopher. *The Philosophical Review*, 40(6), 594-595. doi:10.2307/2180052
- Swiney, Chrystie. (2015). Ibn Khaldun (1332-1406). Dalam M. T. Gibbons (Ed.), *The Encyclopedia of Political Thought* (ed. 1st, hlm. 1-5). West Sussex: John Wiley & Sons. doi:10.1002/9781118474396.wbept0562
- Syed Farid Alatas. (2011). Ibn Khaldūn. Dalam G. Ritzer, & J. Stepnisky (Ed.), *The Wiley-Blackwell Companion to Major Social Theorists* (ed. 1st, Jld. I, hlm. 12-29). Oxford: Blackwell Publishing. doi:10.1002/9781444396621
- Syihabudin Ahmad. (2017). *Fatwa Ulama al-Azhar terhadap Syiah 12*. Sungai Buloh: Santai Ilmu Publication.

Toynbee, Arnold. (1988). *A Study of History*. London: Thame and Hudson.

Wan Mohd Fazrul Azdi, Wan Razali. (2018). Al-Ash'ariyyah Menurut Ibn Khaldun: Sejarahwan dan Ahli Sosiologi Islam. *Prosiding Seminar Kebangsaan Asyairah Ahli Sunnah Waljamaah 2.0* (hlm. 1-19). Bangi: Pusat Akidah dan Keamanan Global.

Wan Zahidi, Bin Wan Teh, & Mahmood Sa'ad Nasih. (2014). *Mengenal Hakikat Syiah*. Putrajaya: Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Jabatan Perdana Menteri.

Wan Zahidi, Bin Wan Teh, Abdul Razak, Bin Abdul Rahman As-Saadi, & Ridhuan Jamal Al-Athrasyy. (2012). *Hakikat Syiah*. Putrajaya: Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Jabatan Perdana Menteri.

LAMPIRAN

Senarai kumpulan Syiah (kategori pelampau atau *ghulāh*) yang menganggap Ali sebagai nabi, tuhan dan jelmaan tuhan:

KUMPULAN PELAMPAU (غلاة) DALAM SYIAH		
NO.	KUMPULAN	KETERANGAN
1.	<i>Al-Sabā'iyah</i>	<ul style="list-style-type: none"> Pengikut Abdullah bin Saba', seorang Yahudi yang menzahirkan Islamnya di sebalik kekafirannya. Mengatakan bahawa Ali ialah nabi dan seterusnya mengatakan bahawa Ali ialah tuhan. Dan menyeru kumpulannya kepada akidah ini.
2.	<i>Al-Kāmiliyyah</i>	<ul style="list-style-type: none"> Pengikut Abu Kamil yang telah mengkafirkan semua sahabat kerana tidak memberi baiah kepada Ali. Menuduh Ali kerana tidak menuntut haknya serta mengkafirkan Ali kerana tidak memerangi Abu Bakar. Mempercayai bahawa imam adalah cahaya yang berpindah ke dalam roh manusia dan kenabian mungkin turun kepada sesiapa sahaja.
3.	<i>Al-'Ali'iyah</i>	<ul style="list-style-type: none"> Pengikut Ibn Zira' al-Dusi atau al-Asadi (dalam riwayat lain). Ali lebih utama daripada Rasulullah SAW dan nabi diutuskan untuk menamakan Ali sebagai tuhan. Sebahagian mereka menganggap Ali dan Rasulullah sebagai tuhan. Sebahagian lagi menganggap '<i>ashab al-kisa'</i> iaitu Muhammad, Ali, Fatimah, al-Hassan dan al-Hussain sebagai tuhan.
4.	<i>Al-Mughīriyyah</i>	<ul style="list-style-type: none"> Pengikut al-Mughirah bin Said al-Bajli yang mendakwa imam selepas Ali bin al-Hussain ialah Muhammad an-Nafs az-Zakiyyah, seorang yang tinggal di luar Madinah yang hidup dan tidak mati. Mendakwa dirinya ialah imam selepas Muhammad an-Nafs serta mendakwa dirinya ialah nabi.\ Memiliki sikap melampau terhadap Ali yang di luar penerimaan kewarasan akal manusia.
5.	<i>Al-Mansūriyyah</i>	<ul style="list-style-type: none"> Pengikut Abu Mansur al-Ajali. Mengatakan Muhammad bin Ali bin al-Hussain adalah imam yang telah naik ke langit dan Allah telah menyapu kepalanya dengan tangannya dan berfirman: ..."<i>wahai anakku pergilah dan sampaikan dariku...</i>". Rasul sentiasa wujud dan tidak terputus serta mengatakan syurga adalah seorang lelaki yang diperintah agar diberi sokongan iaitu imam dan sebaliknya adalah neraka.
6.	<i>Al-Khatābiyyah</i>	<ul style="list-style-type: none"> Pengikut Abu al-Khatāb bin Abu Zainab. Terdapat dalam banyak kumpulan dan kesemua mereka menganggap

		<p>imam-imam adalah nabi baru, rasul Allah dan hujah Allah di kalangan makhluk.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mereka mempunyai dua rasul; seorang berkata-kata iaitu nabi Muhammad dan seorang lagi tidak berkata-kata iaitu Ali bin Abu Talib. • Mendakwa Abu al-Khatib ialah nabi dan semua imam adalah tuhan.
7.	<i>Al-Kayyāliyyah</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Pengikut Ahmad bin al-Kayyal. • Antara ajaran mereka, sesiapa yang mampu melepasi ke ufuk meninggalkan jiwa dan mempunyai ilmu serta boleh menghuraikan selok-belok kedua-dua alam ini iaitu alam tinggi dan alam jiwa yakni alam rendah, maka dia adalah imam. • Ahmad bin al-Kayyal mendakwa dirinya mempunyai ilmu-ilmu tersebut dan disebabkan itulah dia adalah imam yang sebenar.
8.	<i>Al-Hishāmiyyah</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Pengikut Ibn al-Hukm dan Ibn Salim. • Mereka beriktikad sesuatu kepada Allah yang tidak layak bagi zat-Nya. • Mengatakan Allah mempunyai jasad, warna, rasa, bau dan lain-lain lagi.
9.	<i>Al-Nu‘māniyyah</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Pengikut Muhammad bin al-Nu‘man al-Ahwali yang digelar syaitan at-Taḡ dan merupakan anak murid Muhammad al-Baqir. • Berpendapat sama dengan Hisham bin al-Hukm bahawa Allah tidak mengetahui sesuatu sehinggalah sesuatu itu berlaku. • Mengatakan bahawa Allah adalah nur di dalam bentuk manusia. • Mereka juga dikenali sebagai puak syaitaniyyah.
10.	<i>Al-Yūnusiyyah</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Pengikut Yunus bin Abdul Rahman al-Qummi. • Mendakwa para malaikat memikul arasy dan arasy tersebut memikul Allah. Hal ini merupakan antara perkara musyabbihat golongan Syiah. • Mereka berpendapat bahawa bahagian atas dari Allah dalam keadaan ruang manakala bahagian bawah adalah dalam bentuk pepejal.
11.	<i>Al-Naṣīriyyah</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Pengikut Muhammad bin Nasir an-Namiri atau al-Fahri yang merupakan pengikut al-Hassan al-Askari. • Apabila al-Hassan meninggal dunia, dia mendakwa bahawa dia adalah wakil kepada al-Hassan. • Berpegang kepada perpindahan roh dan mengatakan bahawa Allah telah masuk ke dalam jasad Ali beberapa kali. Dan pada hari Ali merobohkan pintu Khaibar, Allah telah memasuki jasadnya.

Sumber: (Wan Zahidi, Abdul Razak, & Ridhuan Jamal Al-Athrasy, 2012, hlm. 29-31)